

Keadaan tidak menentu di BSKL fenomena sementara

UM 30 JUN 2002

MUAR 29 Jun — Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin keadaan tidak menentu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang berlaku ekoran pengumuman mengejut Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad pada Sabtu lalu hanya satu fenomena sementara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu juga percaya keadaan tersebut tidak akan berlarutan hingga ke satu tempoh yang panjang.

“Keyakinan pelabur tidak tergugat, sebab itu mereka masih masuk ke pasaran,” katanya kepada para pemberita selepas melancarkan Pusat Literasi Komputer Kemas bagi kawasan Parlimen Pagoh di pusat khidmat wakil rakyat parlimen itu di Pagoh di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin, kerajaan sudah menjangkakan keadaan itu akan berlaku.

“Kalau seluruh negara merasakan terperanjat dengan pengumuman Perdana Menteri itu, saya fikir ia tentu melibatkan sentimen pelabur.

“Tetapi saya fikir, ia hanya untuk seketika dan bila dilihat proses pentadbiran kerajaan berjalan seperti biasa, UMNO masih menjadi tung-

gak dalam kerajaan, Dr. Mahathir masih memimpin parti dan kerajaan, keadaan akan kembali pulih,” katanya.

Tambahan pula, kata beliau, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden UMNO telah memberi jaminan akan terus membantu Perdana Menteri baik dalam soal dasar, ekonomi dan politik.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO menjelaskan, ekonomi negara juga berada pada landasan yang kukuh dan ini dapat dilihat bagaimana Bank Negara dalam laporan terbarunya mengunjurkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat antara 3.5 peratus hingga empat peratus pada tahun ini.

“Penggala pertama sahaja kita sudah mencatat 1.1 peratus, ia terus meningkat dan saya fikir sasaran itu akan tercapai.

“Bermakna, bukan sahaja fundamental kuat, ekonomi kita juga kukuh, peratusan terus meningkat lebih tinggi,” tambah beliau sambil merujuk bagaimana saham terbitan PLUS telah mendapat lebihan langganan yang tinggi.